

**D.R. 26/2023**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Makanan 1983.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

- 1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Makanan (Pindaan) 2023.  
(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 2**

- 2.** Akta Makanan 1983 [*Akta 281*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2 dengan memotong takrif “tembakau” dan “hasil tembakau”.

**Pemotongan seksyen 36**

- 3.** Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 36.

**Kecualian**

**4.** (1) Mana-mana perundangan subsidiari yang berhubungan dengan hasil tembakau yang berkuat kuasa sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, sehingga dipinda atau dibatalkan, terus berkuat kuasa dan ditafsirkan seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(2) Apa-apa pendaftaran atau tindakan yang dibuat, atau notis, arahan atau kelulusan yang diberikan atau dikeluarkan yang berhubungan dengan hasil tembakau di bawah seksyen 36 Akta ibu hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Akta ini, diuruskan di bawah Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023.

---

**HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Makanan 1983 (“Akta 281”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 281 dengan memotong takrif “tembakau” dan “hasil tembakau”.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk memotong seksyen 36 Akta 281 untuk memotong peruntukan yang berhubungan dengan tembakau dan hasil tembakau. Pemotongan ini berbangkit daripada penggubalan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 yang dicadangkan. Peruntukan yang berhubungan dengan tembakau dan produk tembakau akan diperuntukkan dalam Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 yang dicadangkan.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi peruntukan kecualian.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.